

24 NOV 2001

Abdullah-PBS

KEMASUKAN PBS DALAM BN BAIK UNTUK SABAH, KATA ABDULLAH

KOTA KINABALU, 24 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata penyertaan semula Parti Bersatu Sabah (PBS) ke dalam Barisan Nasional akan membawa perubahan positif kepada politik negeri itu.

Timbalan Perdana Menteri berkata urusan kerajaan negeri akan berjalan lebih lancar kerana tiada lagi gangguan berbentuk politik manakala masalah rakyat akan dapat diselesaikan dengan lebih mudah.

"PBS kini mahu kembali kepada BN. Bagi negeri Sabah ia merupakan satu perubahan besar kepada suasana politik kerana ini bererti akan kurangnya politik di antara parti-parti. Rakyat juga akan mendapati masalah mereka lebih mudah untuk diselesaikan," katanya ketika merasmikan Kongres Ke-12 Parti Liberal Demokratik (LDP) di sini hari ini.

LDP yang ditubuhkan pada Ogos 1989 dan dipimpin Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat, diterima sebagai parti komponen BN pada Julai 1991. Ia merupakan parti komponen BN Sabah yang tertua.

Antara yang hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Musa Aman, pemimpin parti komponen BN serta Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan yang diundang sebagai pemerhati.

PBS yang meninggalkan BN 11 tahun lepas, mengemukakan permohonan rasmi kepada Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lepas untuk kembali menyertai gabungan itu.

Abdullah berkata bahawa tanpa kegiatan berpolitik yang keterlaluan, kerajaan negeri akan dapat menumpukan perhatian kepada usaha membawa kemajuan kepada rakyat dan negeri itu.

"Saya yakin jika suasana politik berterusan dalam keadaan baik, maka kemajuan negeri ini sebagaimana yang dihasratkan oleh rakyat akan dapat dicapai," katanya.

Chong dalam ucapan yang menyentuh pelbagai perkara, turut menyebut mengenai perubahan positif yang bakal berlaku di Sabah jika PBS diterima sebagai parti komponen BN.

"Saya yakin bahawa dengan kerjasama PBS nanti, negeri ini akan dapat menangani banyak isu sosio-ekonomi seperti yang berlaku sekarang. Politik dalaman yang tegang akan berakhir dengan kemasukan semula PBS dalam BN," katanya.

Chong berkata beliau gembira bahawa PBS telah memohon memasuki semula BN, dan untuk itu, beliau mengucapkan syabas kepada Pairin.

Pada sidang media selepas perasmian Kongres LDP itu, Abdullah berkata pasukan tambahan tidak perlu dikerah ke pantai timur Sabah kerana kawalan keselamatan di situ sudahpun dipertingkatkan.

"Malah, kawalan telahpun dipertingkatkan sebelum kejadian itu lagi (di selatan Filipina). Jika perlu, kita akan melakukannya tetapi jika tidak, kita tidak akan melakukannya," kata beliau merujuk kepada kebimbangan yang timbul bahawa banyak pendatang tanpa izin akan menyusup ke Sabah berikutan pemberontakan bersenjata yang dilancarkan oleh bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao, Nur Musuari.

Ditanya apakah peranan yang boleh dimainkan oleh Malaysia untuk menolong menyelesaikan keadaan itu, Abdullah berkata Malaysia tidak menganggap ia mempunyai peranan khusus.

"Anda patut tahu bahawa keadaan ini atau apa juga yang berlaku di sana merupakan urusan dalamannya," katanya.

Dasar ASEAN tidak membenarkan campur tangan dalam hal ehwal setiap negara anggota, katanya.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri turut ditanya mengenai laporan yang menyebut bahawa Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo memohon bantuan Malaysia dan Indonesia untuk menamatkan pemberontakan terbaru yang berlaku di negara itu.

"Presiden Arroyo telahpun menghantar sepucuk surat kepada Perdana Menteri dan saya fikir mungkin terdapat beberapa petunjuk mengenai apa yang boleh kita buat," katanya.

Beliau juga mahu agar siasatan dijalankan berhubung kecurian kira-kira 5,000 helai kertas jawapan bagi mata pelajaran Matematik II Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) baru-baru ini.

Katanya antara aspek yang perlu disiasat ialah sama ada kertas berkenaan telah diangkut mengikut prosedur yang ditetapkan.

"Tentu terdapat prosedur yang perlu dipatuhi," kata Abdullah.

Polis telah menemui semula kesemua kertas jawapan yang hilang itu.

-- BERNAMA

JS SP MAI